

# Rancang bina sekolah keenam kanak-kanak pelarian di Turkey



ENCIK SAVAS METIN: Kimse Yok Mu ( KYM) berusaha memperbaiki kehidupan pelarian Syria di Turkey. - Foto JOHARI RAHMAT

28 Aug 2014

NUR DHUHA ESOOF

MASYARAKAT Islam setempat yang telah menderma untuk membantu pelarian Syria tidak perlu khuatir ke mana sumbangan mereka disalurkan.

Ini kerana derma ikhlas yang mereka hulur untuk menyokong projek Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) diuruskan badan bantuan kemanusiaan antarabangsa berpangkalan di Turkey, Kimse Yok Mu (KYM).

KYM, yang bermaksud Is Anybody There? atau Ada Sesiapa di Sana? dalam bahasa Turkey, ditubuhkan pada 2004.

Dengan 50,000 relawan di seluruh dunia, KYM menghulur bantuan kepada 110 negara, menolong mangsa bencana tanpa mengira agama dan bangsa. Malah hanya dalam tempoh tiga tahun lalu, lebih tiga juta orang menderma \$250 juta kepada KYM untuk disalurkan kepada penduduk dunia yang memerlukan.

Kelmarin, Berita Harian berkesempatan menemu ramah setiausaha agung KYM, Encik Savas Metin, yang berkongsi tentang usaha KYM memperbaiki kehidupan pelarian Syria di Turkey.

Beliau dan delegasi seramai tiga orang diundang ke Singapura baru-baru ini menyaksikan majlis penyerahan cek dana yang dikumpul masyarakat setempat untuk disalur ke penduduk di Jaluran Gaza.

Selain membantu penduduk Gaza sejak lebih 10 tahun lalu, KYM turut menghulurkan bantuan kepada pelarian Syria di Turkey sejak krisis di negara itu bermula tiga tahun lalu.

KYM menyalurkan sejumlah AS\$33 juta (\$41.2 juta) kepada pelarian Syria sejauh ini. Ia bekerjasama dengan Asrit, satu projek Rangkaian Ekspatriat Muslim AMP (MEX) dan SimplyIslam, sejak September lalu, menyampaikan sumbangan penduduk Singapura kepada pelarian Syria.

Menurut Encik Metin, pemerintah Turkey merujuk kepada sekitar 1.5 juta pelarian Syria di Turkey sebagai 'tetamu di bawah perlindungan sementara'.

"Kami tidak menggunakan perkataan pelarian. Daripada jumlah 1.5 juta, sekitar 220,000 tinggal di dalam kem pelarian dan yang lain terpaksa tinggal di kawasan luar kem. Bilangan mereka meningkat hari demi hari dan mereka benar-benar memerlukan bantuan," kata Encik Metin.

Menjelaskan operasi membantu mangsa, Encik Metin berkata KYM mendapatkan maklumat daripada relawannya yang tinggal atau bekerja di sekeliling pelarian Syria sebelum menentukan jenis bantuan yang sesuai diberikan.

"Relawan kami datang daripada pelbagai latar belakang. Ada di antara mereka adalah guru, doktor atau imam yang tahu kawasan itu, yang tinggal berjiran dengan mereka. Jadi untuk mengenal pasti keluarga memerlukan tidak menjadi masalah buat kami kerana kami tinggal bersama-sama mereka. Ini salah satu keunikan KYM," kata Encik Metin.

Antara yang diperlukan pelarian Syria termasuk perlindungan, makanan dan khidmat penjagaan kesihatan.

Beliau turut menekankan peri pentingnya pendidikan bagi kanak-kanak pelarian dan berkata KYM menubuhkan lima pusat pendidikan di Turkey khusus untuk kanak-kanak itu.

KYM kini dalam perancangan menubuhkan sekolah keenam, kali ini dengan kerjasama Asrit, di kawasan selatan Turkey. Butiran lanjut mengenai projek itu akan diumumkan dalam masa terdekat.

Asrit mempunyai sasaran mengumpul \$500,000 menjelang hujung tahun ini. Sejumlah \$361,000 dikumpul sejauh ini.

Orang ramai yang ingin memberi sumbangan boleh kunjungi laman [www.asrit.sg](http://www.asrit.sg).